

Syarikat rayu tambang bas ekspres dinaik

Kuala Lumpur: Syarikat bas ekspres terbesar Malaysia, Konsortium Transnasional Bhd (KTB), merayu kepada kerajaan agar menaikkan kadar tambang setelah lama tertangguh.

“Kos operasi kami meningkat memandangkan kejatuhan nilai ringgit dan kesan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

“Kos operasi, termasuk pe-

nyelenggaraan dan alat ganti, semakin meningkat tetapi kami tidak menyalurkannya kepada pengguna,” kata Pengarah Urusannya, Tan Sri Mohd Nadzmi Mohd Salleh.

Tak dedah kos kenaikan

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan kos kenaikan sebenar kerana syarikat itu

masih lagi menelitinya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pemetraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara Nadicorp Holdings Sdn Bhd dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi penyelidikan aplikasi komersial getah asli Ekoprena dalam pembuatan tayar di sini, semalam.

Mohd Nadzmi juga adalah Pengerusi Eksekutif Nadicorp, konglomerat beberapa syarikat terbabit dalam pengangkutan bas awam, termasuk KTB.

Pada Mac tahun ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengumumkan kenaikan tambang bagi perkhidmatan bas ekspres dan teksi.

Bagaimanapun, kerajaan ha-

“

Kos operasi, termasuk penyelenggaraan dan alat ganti, semakin meningkat tetapi kami tidak menyalurkannya kepada pengguna”

**Mohd Nadzmi
Mohd Salleh,**
Pengarah Urusan
Konsortium
Transnasional Bhd

nya meluluskan kenaikan tambang untuk teksi dan menangguhkan kenaikan tambang bagi perkhidmatan bas ekspres.